

FRASA: MELENGKAPKAN DIALOG

Latihan 1

ARAHAN: Isi tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) *ingin lihat usaha Lan itu*
- (2) *asyik menatap komputer sahaja*
- (3) *dapatkan maklumat melalui Internet*
- (4) *di mana untuk mencari maklumat itu*
- (5) *apabila kami sudah selesai tugas ini*
- (6) *dengan menggunakan komputer di makmal komputer sekolah*

Encik Yazid	:	Lan, sudahkah kamu habiskan kerja-kerja sekolah kamu?
Mazlan	:	Lan sedang buatnya ini.
Encik Yazid	:	Eh!, Buat kerja sekolah apa? (1)_____.
Mazlan	:	Lan sedang mencari maklumat melalui Internet. Cikgu menyuruh kami (2)_____.
Encik Yazid	:	Oh, kalau begitu baguslah! Tahukah Lan (3)_____?
Mazlan	:	Tahu, ayah. Cikgu Maznah sudah terangkan kepada kami (4)_____.
Encik Yazid	:	Kalau Lan sudah habis tugas itu, tunjuk ayah ya. Ayah (5) _____.
Mazlan	:	Oh ya! Sebentar lagi seorang kawan Lan akan datang untuk buat tugasannya juga. Bolehkan, ayah?
Encik Yazid	:	Tentu boleh. Ayah suka kalau Lan suka belajar berpasangan ataupun berkumpulan.